Melihat dari aspek kesanggupan untuk berulang-alik jauh antara rumah dan tempat kerja, terdapat pelbagai faktor yang menjadi keutamaan dalam membuat pemilihan lokasi rumah bagi sesebuah isi rumah, khususnya bagi isi rumah yang bekerja di bandar. Menurut Aidilfitri (2017), antara faktor-faktor pemilihan lokasi rumah adalah kemudahan, infrastruktur dan kawasan persekitaran. Kedekatan lokasi rumah dengan kemudahan dan infrastruktur akan memudahkan mobiliti bagi mengakses kemudahan dan infrastruktur tersebut. Manakala, bagi kawasan persekitaran pula, setiap persekitaran yang berbeza mempunyai nilai harga yang berbeza, yang menjadi nilai tambah kepada sesebuah kawasan perumahan. Perkongsian seorang lagi agen hartanah mengenai tips pemilihan lokasi rumah adalah, terdapat akses kepada lebuh raya dan pengangkutan awam; rumah terletak berdekatan dengan sekolah; kawasan perumahan mampu menawarkan kejitiran yang baik; dan rumah memiliki nilai semasa dan masa depan yang bagus; selain mudah untuk mengakses pelbagai kemudahan dari lokasi rumah yang akan didiami tersebut (Zakwan, 26). Rehman dan Jamil (2021) pula berpendapat bahawa pemilihan lokasi perumahan adalah melibatkan aspek mobiliti dan kesemua kos yang perlu ditanggung;

dan keputusan yang dibuat adalah dipengaruhi oleh komponen fizikal, ekonomi dan psikologi. Justeru, pemilihan lokasi perumahan juga secara tidak langsung dapat memberi gambaran sebenar mengenai tingkah laku sesebuah isi rumah dalam membuat keputusan untuk memiliki rumah (Rehman & Jamil, 2021). Selain itu, pemilihan lokasi rumah adalah dipengaruhi oleh status sosio-ekonomi sesebuah isi rumah, sebagaimana kajian mereka telah mendapati, terdapat perbezaan bagi jarak antara rumah dengan bandar, dan kos berulang-alik mengikut kumpulan pendapatan yang berbeza (Duranton & Diego, 2015).

Di Pulau Pinang, kerajaan negeri giat membina pelbagai jenis perumahan bagi memenuhi keperluan penduduk yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Namun, pembinaan rumah mampu milik di dalam bandar untuk golongan yang berpendapatan rendah, khususnya golongan B40, masih dibatasi oleh kekangan kekurangan tanah, kos tanah yang tinggi, dan saingan oleh projek pembangun yang berimpak tinggi. Oleh itu, kebanyakan rumah yang dibina dalam bandar, khususnya yang berdekatan dengan pelbagai kemudahan dan infrastruktur adalah rumah yang harganya di luar kemampuan golongan B40. Projek perumahan kos rendah di bawah penyelarasan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) yang sedang dibina masih terhad dan dibangunkan agak jauh dari pusat bandar. Keupayaan bagi membangunkan perumahan kos rendah di dalam bandar adalah agak terbatas walaupun ianya adalah suatu keperluan (Yusof, 2019). Justeru itu, keterbatasan pembinaan rumah kos rendah dalam bandar menghadkan kemampuan golongan B40 untuk membeli rumah di dalam bandar.

Memandangkan kebanyakan pekerja di sesebuah bandar tinggal berjauhan dari tempat kerja, jumlah kenderaan berulang-alik dari luar kawasan bandar meningkat, khususnya ketika waktu puncak. Selain itu, sistem perhubungan dan pengangkutan

awam yang masih kurang efisien, kadar kebergantungan terhadap kenderaan persendirian meningkat dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Oleh hal yang demikian, pembangunan berorientasikan transit bagi mewujudkan kelestarian mobiliti dalam menyeimbangkan jarak antara lokasi kediaman dan lokasi tempat kerja perlu dengan mengintegrasikan sistem pengangkutan awam yang bersepadu dan efisien dalam sesebuah bandar yang polisentrik (Wolday et al., 2019).

Di Pulau Pinang, kesesakan lalu lintas sering dihadapi dalam kehidupan seharian penduduk yang bekerja dalam bandar. Hal ini akan menjadi bertambah serius apabila berlaku kemalangan, terutamanya jika ia berlaku di jalan raya yang sempit (Fernandez, 2014). Kekurangan sistem pengangkutan awam yang efisien dan keadaan jalan raya yang sempit bagi menampung kapasiti jumlah kenderaan yang banyak pada waktu puncak, memburukkan lagi keadaan kesesakan lalu lintas. Setakat Jun 2021, jumlah kenderaan persendirian yang berdaftar di Pulau Pinang sebanyak 2,778,681 unit kenderaan, yang mana 1.1 juta unit adalah kereta dan 1.5 juta unit adalah motosikal (Kai, 2021). Jumlah yang besar menunjukkan kadar kebergantungan terhadap kenderaan persendirian dalam kalangan penduduk negeri Pulau Pinang yang serius. Oleh hal yang demikian, dari isu dan permasalahan yang telah dibincangkan, kajian ini akan mengenal pasti faktor pemilihan lokasi tempat tinggal dan mengkaji mobiliti golongan B40 ke tempat kerja. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis impak mobiliti ke tempat kerja terhadap kesejahteraan hidup golongan B40 tersebut, bagi mencadangkan strategi mobiliti mampan ke arah kesejahteraan hidup golongan B40 di negeri ini.

1.3 Persoalan Kajian

Isu dan pernyataan masalah yang telah dibincangkan menimbulkan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor pemilihan lokasi tempat tinggal golongan B40 di Pulau Pinang?
2. Bagaimanakah mobiliti pergi ke tempat kerja golongan B40 di Pulau Pinang?
3. Apakah hubungan antara faktor-faktor pemilihan lokasi tempat tinggal dengan mobiliti pergi ke tempat kerja golongan B40 di bandar Pulau Pinang?
4. Apakah impak lokasi tempat tinggal dan mobiliti ke tempat kerja terhadap kesejahteraan hidup golongan B40 di Pulau Pinang?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti faktor-faktor pemilihan lokasi tempat tinggal golongan B40 di Pulau Pinang.
2. Mengkaji mobiliti pergi ke tempat kerja golongan B40 di Pulau Pinang.
3. Menganalisis hubungan antara faktor-faktor pemilihan lokasi tempat tinggal dengan mobiliti pergi ke tempat kerja golongan B40 di bandar Pulau Pinang.
4. Menganalisis impak lokasi tempat tinggal dan mobiliti ke tempat kerja dalam mencadangkan strategi terhadap kesejahteraan hidup golongan B40 di Pulau Pinang.

1.5 Definisi Operasional

Bahagian ini memaparkan definisi operasional bagi B40, mobiliti dan kesejahteraan hidup yang diguna pakai di dalam tesis ini.

1.5.1 B40

Di Malaysia, terdapat sejumlah 2.78 juta isi rumah tergolong dalam golongan B40, yang merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan isi rumah sebanyak RM4,849 ke bawah (Haron, 2020). Perkataan B40 itu sendiri bermaksud Bottom 40, yang mewakili 40 peratus daripada populasi penduduk Malaysia, berpendapatan isi rumah terendah (Koperasi Pembangunan Pengguna Islam Malaysia, 2020). Terdapat sebanyak 51% isi rumah B40 di bandar, sementara di luar bandar adalah sebanyak 48% (Tenth Malaysia Plan, 2010). Golongan B40 dibahagikan kepada empat kategori, iaitu, B1 bagi isi rumah yang berpendapatan bawah RM2,500; B2 pula bagi isi rumah yang berpendapatan antara RM2,501 dan RM3,169; B3, RM3,170 hingga RM3,969; manakala B4 bagi RM3,970 hingga RM4,849 (Tuah, 2020).

1.5.2 Mobiliti

Mobiliti dirujuk sebagai pergerakan seseorang individu atau sekumpulan individu dari satu tempat ke tempat yang lain (Oxford Reference, 2022). Mobiliti juga didefinisikan sebagai pergerakan yang melibatkan tempat, pelaku, sosio-ekonomi dan pengangkutan, seperti pelancongan, trip perniagaan, migrasi dan perjalanan berulang-alik (Stock & Duhamel, 2005). Mobiliti juga disamaertikan sebagai keupayaan seseorang individu untuk bergerak atau digerakkan, di mana, mobiliti fizikal adalah merujuk kepada keupayaan individu tersebut untuk bergerak dalam suatu persekitaran yang tertentu (Workplace Testing, 2020). Mobiliti bukan sekadar suatu pergerakan

secara fizikal dalam jarak tertentu (Litman, 2019), malah, pergerakan tersebut adalah bertujuan untuk mengakses pelbagai bentuk aksesibiliti (Rosenberg, 2018). Oleh itu, mobiliti merupakan faktor penting dalam membentuk corak aktiviti harian seseorang individu, yang mengekspresikan penggunaan masa bagi tujuan yang berbeza-beza di pelbagai tempat (Vilhelmson, 1999). Selain itu, mobiliti bukan sahaja merujuk kepada jumlah perjalanan yang dilakukan dalam sehari, tetapi juga latar belakang perjalanan yang dilakukan mengikut cara seseorang individu itu melakukan sesuatu perjalanan. Hal ini demikian kerana, mobiliti dipengaruhi oleh ciri-ciri sosio-ekonomi individu tersebut, seperti jantina, usia, pekerjaan, tempat tinggal dan lain-lain; atau kegiatan seharian yang dilakukan, seperti bekerja, belajar, beriadah dan sebagainya (Olabarria, et al., 2013). Justeru, corak mobiliti harian yang melibatkan jarak dan masa perjalanan, akan membentuk satu set perjalanan yang dilakukan oleh seseorang individu, yang secara tidak langsung dapat memberikan kefahaman mengenai pilihan tempat tinggal dan aksesibiliti pekerjaan (Long & Reuschke, 2021).

1.5.3 Kesejahteraan Hidup

Kesejahteraan hidup dirujuk sebagai kegembiraan atau kebahagiaan, iaitu satu ukuran sejauh mana seseorang menyukai perjalanan hidup yang dilaluinya, atau tahap penilaian seseorang terhadap kehidupannya secara positif (Veenhoven, 2008). Veenhoven (2008) juga dalam kajiannya menyatakan bahawa kesejahteraan adalah sinonim dengan kegembiraan, kualiti kehidupan, kepuasan hidup dan kebajikan, yang dapat menerangkan situasi kehidupan yang baik. Justeru, kesejahteraan hidup dapat dikategorikan sebagai suatu fenomena yang melibatkan respon emosi seseorang individu, bidang kepuasan, dan penilaian global mengenai kepuasan hidup (Diener et al., 1999). Raphael et al. (1996) juga telah mendefinisikan kesejahteraan hidup sebagai

sesuatu perkara yang membuatkan seseorang berasa seronok, bahagia dan menganggap kehidupannya adalah kehidupan yang bermakna. Selain itu, kesejahteraan hidup juga dirujuk sebagai peningkatan produktiviti dan mobiliti sosial yang mampu mengukuhkan lagi kesepaduan sosial dan nasional, yang disumbangkan dari taraf dan kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal dan psikologi individu (Malaysia, 2015). Kesejahteraan hidup mampu membebaskan individu dari tekanan, memberikan kegembiraan yang berpanjangan dan perasaan positif terhadap kehidupan (Atchley, 2004).

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan ditumpukan kepada golongan B40 yang bekerja di bandar-bandar di dua daerah negeri Pulau Pinang, iaitu Timur Laut dan Barat Daya. Pemilihan dua daerah ini dibuat adalah berdasarkan laporan Ekonomi dan Pembangunan Pulau Pinang 2017/2018. Peratusan golongan B40 yang tertinggi di negeri ini adalah di daerah Timur Laut, iaitu sebanyak 34.5% dan 31.9% bagi tahun 2014 dan 2016. Manakala, peratusan golongan B40 tahun 2014 dan 2016 bagi daerah Barat Daya pula, merupakan yang paling rendah di negeri ini, iaitu masing-masing adalah sebanyak 10.9% dan 10.8% (Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Oleh itu, pemilihan dua daerah tersebut dapat dibuat perbandingan berdasarkan lokasi rumah, mobiliti terhadap pelbagai kemudahan dari lokasi rumah, ciri-ciri perumahan, sistem pengangkutan dan mobiliti pergi ke tempat kerja.

Selain itu, skop kajian ini dijadikan dalam menganalisis batasan tahap sosio-ekonomi dari sudut kemampuan kewangan dalam aspek pemilikan perumahan dan pemilikan kenderaan dalam mempengaruhi mobiliti pergi ke tempat kerja dalam kalangan responden, serta impak yang perlu dihadapi terhadap kesejahteraan hidup

mereka. Oleh itu, skop kajian ini dapat membantu dalam memfokuskan kepada kesesuaian kajian yang dijalankan mengikut tempoh masa yang diperuntukkan.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil tinjauan literatur kajian yang melihat impak terhadap kesejahteraan hidup dan bebanan yang ditanggung oleh golongan B40, yang berpunca dari pengaruh lokasi rumah yang mencorakkan mobiliti golongan ini ke tempat kerja masih kurang dijalankan. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting bagi mendapatkan maklumat yang jelas dalam memahami perkaitan antara pemilikan rumah yang dimiliki dan didiami dalam aspek kedudukan lokasi, dengan mobiliti ke tempat kerja dalam kalangan golongan B40.

Golongan B40 merupakan golongan yang berpendapatan rendah, yang terpaksa mengharungi kehidupan yang mencabar di bandar, terutamanya, dari segi kekangan kewangan dalam menangani masalah peningkatan kos sara hidup yang semakin menekan, kos perumahan yang semakin meningkat di luar jangkauan, serta kebergantungan terhadap kenderaan persendirian yang memerlukan peruntukan perbelanjaan tetap bulanan. Oleh itu, kajian ini akan memberi maklumat yang dapat membantu pembuat dasar dalam merangka strategi intervensi yang bersesuaian dalam membantu golongan B40 menanggung bebanan hidup di bandar terutama yang berkaitan dengan aspek mobiliti dan pemilikan rumah.

1.8 Organisasi Kajian

Tesis ini akan diorganisasikan kepada enam bab mengikut susunan berstruktur fokus dan huraian yang berbeza.

Bab Satu merupakan latar belakang kepada kajian yang dijalankan, yang meliputi penjelasan secara ringkas dan padat mengenai latar belakang kajian, isu dan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasional, skop kajian, kepentingan kajian, organisasi kajian dan kesimpulan.

Bab 2 pula akan membincangkan sorotan literatur yang akan menjadi tunjang utama kepada kefahaman mengenai bidang kajian yang dikaji, iaitu faktor-faktor pemilihan lokasi perumahan, mobiliti, dan golongan B40.

Seterusnya, Bab 3 akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang memfokuskan kepada pendekatan deduktif iaitu kaedah kuantitatif (edaran borang soal selidik) sebagai kaedah penyelidikan utama, serta kaedah pemerhatian dan temubual secara tidak langsung sebagai maklumat sokongan kepada dapatan utama daripada kaedah kuantitatif yang akan dilakukan.

Bab 4 akan dihuraikan dapatan kajian, hasil analisis data lapangan kajian yang dilakukan bagi memperoleh jawapan kepada objektif satu, iaitu faktor-faktor pemilihan lokasi tempat tinggal dan objektif dua iaitu mobiliti pergi ke tempat kerja dalam kalangan responden.

Bab 5 pula, akan menghuraikan hasil analisis hubungan antara faktor-faktor pemilihan lokasi tempat tinggal dengan mobiliti ke tempat kerja dalam kalangan responden, sebagai keperluan bagi menjawab objektif ketiga. Bagi menjawab objektif keempat juga, iaitu impak lokasi tempat tinggal dan mobiliti pergi ke tempat kerja

terhadap kesejahteraan hidup golongan B40 yang bekerja di bandar, turut akan dihuraikan dalam bab ini.

Akhir sekali, dalam Bab 6, akan dirumuskan secara keseluruhan hasil dan sumbangan hasil kajian kepada bidang ilmu dan juga cadangan polisi mengenai perkaitan antara mobiliti dan tempat tinggal bagi golongan yang rentan kepada cabaran hidup di bandar yang mampu mneggugat kesejahteraan hidup, khususnya akibat kekangan kemampuan kewangan.

1.9 Kesimpulan

Bab ini menerangkan mengenai keseluruhan kajian yang dilaksanakan dalam tesis ini. Secara umumnya, bab ini merangkumi latar belakang topik kajian, isu dan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasional dan skop kajian yang dijadikan sebagai teras utama bagi mencapai kesemua objektif kajian ini. Kepentingan kajian dan organisasi kajian turut dipaparkan masing-masing dalam bab ini bagi menerangkan mengenai keperluan untuk melakukan kajian. Bab selanjutnya akan membincangkan kajian literatur berkaitan bagi memberikan latar belakang mengenai penyelidikan ini.

BAB 2

PERKAITAN MOBILITI DAN TEMPAT TINGGAL DALAM BANDAR

2.1 Pengenalan

Bab ini pada peringkat awalnya menyorot tentang perkaitan antara mobiliti dan tempat tinggal. Sorotan berkaitan perkaitan antara mobiliti dan tempat tinggal dapat memberi maklumat awal mengenai kesalinghubungan antara mobiliti dengan tempat tinggal, khususnya mobiliti ke tempat kerja. Selain itu, bab ini juga menyorot mengenai faktor-faktor pemilihan lokasi rumah dalam menghuraikan faktor-faktor yang menjadi tren dalam mempengaruhi isi rumah untuk memilih lokasi rumah yang ingin didiami. Seterusnya, tren dan komponen penting yang mencorakkan mobiliti isi rumah dari lokasi rumah yang didiami turut disorot dalam bab ini. Akhir sekali, selepas sorotan mengenai kesalinghubung antara mobiliti dan tempat tinggal dijelaskan, impak kedua-duanya terhadap kesejahteraan hidup pula disorot. Bab ini juga akan menjelaskan berkaitan teori yang dipilih bagi mendasari kajian.

2.2 Cabaran Urbanisasi Bandar

Kebanyakan bandar di negara-negara yang telah mencapai sasaran urbanisasi melebihi 70 peratus, menawarkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi (Tran, 2013). Oleh hal yang demikian, kebanyakan penduduk yang tinggal di luar bandar dan pinggir bandar berusaha untuk mendapatkan pekerjaan yang pendapatan yang lebih tinggi di bandar (Bloze & Skak, 2016). Struktur fizikal bandar sebagai sebuah lokasi spatial pembangunan adalah terdiri daripada perumahan, pusat-pusat komersil, dan lain-lain guna tanah bukan perumahan (United States Census Bureau, 2010). Struktur bandar adalah lebih besar, padat dan heterogen jika dibandingkan dengan struktur

kawasan luar bandar (Peng et al., 2018). Ahli geografi bandar menakrifkan bandar sebagai sesuatu kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, yang merutinkan cara hidup mengikut jenis pekerjaan, keutuhan budaya, pandangan politik dan gaya hidup yang jauh berbeza dari penduduk di kawasan luar bandar (Briney, 2017). Selain itu, kawasan bandar terdiri daripada pusat bandar, pekan-pekan dan pinggir bandar, yang kebiasaannya, menawarkan peluang pekerjaan yang bukan berasaskan pertanian (Cervero, 1989). Hal ini demikian disebabkan oleh struktur bandar terdiri daripada jalan raya, bangunan-bangunan komersil, kawasan perumahan dan jaringan perhubungan seperti jalan raya, jambatan, trek keretapi dan sebagainya (National Geographic, t.t.).

Pada tahun 1800, sebelum dunia mengalami gelombang pertumbuhan bandar seperti pada masa sekarang ini, kira-kira hanya 2 peratus penduduk dunia tinggal di kawasan bandar (Torrey, 2016). Namun begitu, pada masa kini, lebih daripada separuh jumlah keseluruhan populasi penduduk dunia tinggal di bandar-bandar, di mana, pada tahun 2014, sebanyak 54 peratus daripada populasi penduduk dunia menghuni bandar-bandar di seluruh dunia dan dijangkakan akan meningkat sehingga 66 peratus menjelang tahun 2050 (UN-HABITAT Bangkok, 2013). Sejak tahun 1950 sehingga tahun 2014, pertumbuhan populasi bandar dunia giat berkembang dari 746 juta kepada 3.9 billion orang (United Nations, 2014). Asia merupakan benua yang mengalami proses urbanisasi yang agak perlahan berbanding dengan proses urbanisasi di negara-negara Barat, walaupun populasi bandar terbesar dunia terletak di Asia (Briney, 2017). Di Asia, populasi bandar merangkumi 53 peratus dari keseluruhan populasi penduduk bandar dunia, diikuti dengan benua Eropah sebanyak 14 peratus dan benua Amerika sebanyak 13 peratus (United Nations, 2014). Oleh yang demikian, dijangkakan pada tahun 2050, proses urbanisasi dan pertumbuhan populasi bandar akan bertambah

sebanyak 2.5 billion orang dengan 90 peratus dari pertumbuhan ini bertumpu di benua Asia dan Afrika (United Nations, 2014).

Benua Asia merupakan benua terbesar dunia dengan populasi penduduk yang paling padat, dengan statistik populasi penduduk pada tahun 2017 telah mencecah sebanyak 4,478,315,164 orang iaitu melebihi separuh daripada 7,515,284,153 orang, jumlah populasi keseluruhan penduduk dunia (Continent Populations 2017, 2017). Bandar-bandar di Asia juga adalah lebih besar dua kali ganda berbanding dengan bandar-bandar di sekitar benua Eropah (Bairoch & Goertz, 1986). Kebanyakan negara-negara maju di benua Eropah dan Utara Amerika mula mengalami proses urbanisasi sejak awal abad ke-19 dan abad ke-20 selepas berlakunya revolusi perindustrian pada ketika itu, sehingga menyebabkan majoriti penduduk luar bandar mula bermigrasi ke bandar bagi mendapatkan pekerjaan dalam sektor perindustrian (Mondal, 2016). Pada masa yang sama, populasi penduduk di bandar-bandar kebanyakan negara-negara benua Selatan Amerika, Afrika dan Asia mula berganda kepada sepertiga daripada keseluruhan populasi penduduk bandar dunia apabila mencapai kemerdekaan sejak tahun 1980-an (Jackson et al., 2000). Justeru itu, selepas mencapai kemerdekaan, negara-negara tersebut telah menjadi negara-negara membangun serta beberapa bandar-bandar di negara-negara tersebut telah menjadi antara bandar-bandar terbesar dunia (Mondal, 2016).

Urbanisasi dirujuk sebagai perpindahan atau migrasi penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar kesan daripada giatnya pembangunan ekonomi dan perindustrian di bandar tersebut (Peng et al., 2018). Migrasi penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar merupakan faktor utama pertambahan populasi penduduk bandar di seluruh dunia. Secara globalnya, migrasi penduduk luar bandar ke bandar melibatkan kira-kira 35% daripada jumlah populasi penduduk bandar dunia

(Regmi, 2014). Di China, proses urbanisasi telah berjaya membangunkan sektor ekonomi dan mengurangkan masalah kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar, iaitu dari 85 juta kepada 35.97 juta insiden kemiskinan sepanjang tahun 1990 hingga 2009 (Branigan, 2011). Di Asia Tenggara, Malaysia merupakan antara salah sebuah negara yang memiliki jumlah bandar yang terbanyak dengan kadar pertumbuhan populasi penduduk bandar yang paling pesat, iaitu, dari tahun 2010 hingga 2019, kadar urbanisasi di negara ini meningkat dari 70.9 peratus kepada 76.2 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019).

Terdapat dua jenis faktor yang dikenali sebagai faktor-faktor menolak-menarik (*push-pull factors*) yang menjadi penyumbang serta memainkan peranan penting dalam berlakunya migrasi penduduk sehingga mendorong proses urbanisasi global (Regmi, 2014). Faktor-faktor menolak (*push factors*) merupakan faktor-faktor yang membuatkan penduduk memilih untuk keluar dari kawasan luar bandar ke bandar bagi menikmati kualiti hidup yang lebih baik (Jaysawal & Saha, 2014). Faktor-faktor menolak ini adalah seperti terbelenggu dengan kemiskinan, taraf hidup yang rendah, tahap keselamatan hidup dan harta benda yang rendah, bebanan tanggungan keluarga yang besar, kebersihan persekitaran yang kurang memuaskan, masalah pengangkutan dan perhubungan, kekurangan kemudahan kesihatan, kekurangan kemudahan pendidikan, kekurangan kemudahan rekreasi dan kekurangan peluang pekerjaan (Farooq, 2013). Sebaliknya, faktor-faktor menarik (*pull factors*) pula, menjadi penyebab utama, timbulnya keinginan penduduk untuk keluar dari kampung halaman mereka dan berhijrah ke bandar (Jaysawal & Saha, 2014). Faktor-faktor menarik (*pull factors*) ini merupakan ketersediaan keperluan yang sukar diperolehi di luar bandar seperti kemudahan kesihatan, taraf hidup yang lebih baik, fasiliti pendidikan yang lebih maju, kemudahan rekreasi yang lebih baik, peluang pekerjaan yang banyak,

jaminan tahap keselamatan hidup dan harta benda dan persekitaran sosial yang lebih berkualiti (Farooq, 2013). Pelbagai keperluan dan kemudahan tersedia untuk diakses oleh penduduk bandar, walaupun penduduk bandar perlu berdepan dengan pelbagai masalah bandar yang boleh menjejaskan kualiti hidup seharian mereka seperti kekurangan ruang untuk perumahan, kekurangan kemudahan rawatan kumbahan, kekurangan air dan kekangan pengangkutan (Kadi et al., 2012).

Memandangkan jumlah penghuni bandar-bandar di seluruh dunia dijangkakan akan bertambah sebanyak dua kali ganda menjelang tahun 2050, maka, bandar-bandar di seluruh dunia perlu bersedia menghadapi segala cabaran tren kehidupan bandar yang paling transformatif pada abad ke-21 ini (UN-Habitat, 2016). Justeru, bandar-bandar di seluruh dunia terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran termasuklah masalah-masalah persekitaran, sosial dan ekonomi, seperti masalah pencemaran udara dan air, masalah kesesakan lalu lintas, segregasi sosial, kemiskinan bandar, kekurangan perkhidmatan sosial dan infrastruktur fizikal serta tahap mobiliti dan aksesibiliti yang kurang memuaskan, yang perlu dititikberatkan untuk ditangani agar bandar-bandar mampu bertahan sebagai bandar yang berdayahuni (Kompil et al., 2019). Oleh itu, agihan aktiviti-aktiviti spatial, kecekapan penggunaan sumber dan aksesibiliti sangat memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan kemampanan bandar (Bertolini et al., 2005).

Pada tahun 2015, *Sustainable Development Goals (SDGs)* telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sebagai satu seruan matlamat di peringkat global bagi membasmi kemiskinan, melindungi bumi dan memastikan keamanan serta kemakmuran dapat dikecapi oleh semua warga dunia menjelang tahun 2030 (United Nations Development Programme, 2022). Daripada 17 matlamat utama *SDG* dalam usaha mengimbangi kemampanan sosial, ekonomi dan alam sekitar tersebut, matlamat

kesebelas *SDG* (*SDG* 11) memfokuskan kepada pembangunan bandar dan penempatan yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan; demi membentuk bandar yang mampu menawarkan pelbagai peluang secara saksama; menyediakan pelbagai kemudahan asas; membekalkan sumber tenaga; serta membangunkan perumahan, pengangkutan dan ruang hijau awam; dengan cara penggunaan sumber dan impak alam sekitar yang paling minimum (Eurostat Statistics Explained, 2022). Selain itu, matlamat ketiga *SDG* (*SDG* 3) pula, mengetengahkan peri pentingnya peranan tahap kesihatan yang baik dalam kemajuan pembangunan mampan; demi memastikan kesejahteraan hidup melalui kehidupan yang sihat dapat dikecapi oleh semua lapisan masyarakat (World Health Organization, 2015). Gabungan *SDG* 11 dan *SDG* 3 amat bersesuaian bagi membentuk satu kehidupan bandar yang bersifat holistik, yang mampu memberikan kesejahteraan hidup yang baik. Oleh itu, bagi mewujudkan kehidupan yang sejahtera dengan kualiti hidup yang baik di bandar, haruslah bermula dengan bandar yang mampan seperti bandar-bandar maju seperti bandar London, Stockholm, Edinburgh dan Singapura, yang membangunkan negara secara mampan. Antara usaha yang turut perlu diutamakan dalam membentuk bandar yang mampan adalah, dengan memastikan kualiti pembangunan perumahan dan mobiliti dapat dioptimumkan demi kesejahteraan rakyat. Usaha ini bukan sekadar memastikan rakyat dapat mendiami sesebuah rumah, malah, dapat menjalankan kehidupan seharian dalam keadaan menikmati kesejahteraan hidup yang berkualiti.

2.3 Pemilikan Rumah Tanda Aras Keberdayahuni Bandar

Bandar sebagai kawasan yang memainkan peranan strategik dalam pembangunan serta pemacu perkembangan ekonomi, menyediakan peluang pelbagai jenis pekerjaan, aktif dengan pelbagai aktiviti komersil, dan menyediakan pelbagai

aksesibiliti kemudahan dan perkhidmatan (Grant, 2010). Walau bagaimanapun, pembangunan dan perkembangan di bandar tidak menghalang dari berlakunya ketidaksamarataan dan ketidakamanan (*inequality and insecurity*) dalam kalangan penduduknya (Grant, 2010). Justeru, walaupun bandar menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk diakses oleh penduduknya, namun, masih ramai penduduk bandar terpaksa hidup sebagai golongan miskin bandar, golongan yang terkecuali, golongan yang lemah serta rentan kepada pelbagai jenis ancaman dan golongan yang sering dipinggirkan (UNFPA, 2016). Hal ini demikian disebabkan oleh pemacuan ekonomi bandar berasaskan kewangan, perkhidmatan, pemasaran dan teknologi canggih (*high-end technology*) telah mewujudkan ketidaksamarataan di kebanyakan bandar-bandar global sebagaimana terdapat golongan miskin yang masih terpinggir dalam bidang tersebut (Giddens, 2006).

Di Asia Pasifik, kebanyakan negara-negara sedang membangun mengalami peningkatan insiden kemiskinan dalam kalangan penduduk bandar (UN-HABITAT Bangkok, 2013). Lebih dari separuh populasi penduduk bandar di kebanyakan negara hidup dengan taraf sosio-ekonomi di bawah garis kemiskinan dan kadar kemiskinan di kebanyakan negara-negara di benua Afrika dan Asia mencecah lebih dari 20 peratus dan dijangkakan akan bertambah (Grant, 2010). Di India, 15 peratus masing-masing daripada populasi bandar dan populasi luar bandar hidup di dalam kemiskinan tegar (Grant, 2010).

Jika dibandingkan jumlah pendapatan penduduk bandar dengan tanggungan kos sebenar keperluan yang bukan berasaskan makanan sahaja, kebanyakan dari mereka hidup di bawah garis kemiskinan sehingga terpaksa hidup di dalam keadaan serba kekurangan kerana kehidupan mereka terbelenggu dengan kemiskinan bandar (UNFPA, 2007). Lantaran itu, kemiskinan bandar telah menyebabkan berlakunya

masalah setingan, limitasi akses kemudahan dan perkhidmatan yang terhad termasuklah aksesibiliti kepada perumahan, serta kerentanan terhadap masalah-masalah persekitaran dan perubahan iklim (UN-HABITAT Bangkok, 2013). Hal ini demikian, kebanyakan golongan miskin bandar yang terpinggir (*marginalized*) berpendapatan terlalu rendah walhal kos bagi memenuhi segala keperluan demi kelangsungan hidup mereka begitu membebankan (Grant, 2010). Kelangsungan hidup di bandar hampir kesemuanya memerlukan kos yang tinggi, termasuklah kos bagi mendapatkan air dan sanitasi, menyewa rumah, makanan, pengangkutan dan penjagaan kesihatan (Mitlin, 2005).

Selain itu, urbanisasi turut memberikan impak besar serta perubahan yang ketara terhadap corak permintaan bahan makanan serta rangkaian bekalan bahan makanan di seluruh dunia (Regmi, 2014). Urbanisasi tidak mendorong kenaikan harga bahan makanan secara langsung tetapi telah menyebabkan penduduk bandar rentan terhadap kenaikan harga bahan makanan (McGranahan, 2011). Akhirnya, peningkatan harga makanan secara tidak langsung akan meningkatkan kos sara hidup di bandar. Dalam hal ini, penduduk bandar yang berpendapatan rendah bukan sahaja rentan terhadap harga makanan yang tinggi, malah mereka juga terdedah kepada masalah kesihatan akibat kekurangan nutrisi kerana tidak mampu untuk mendapatkan sumber makanan berkhasiat yang diperlukan (Satterthwaite et al., 2010).

Pada sudut yang lain, urbanisasi merupakan faktor utama dalam mempengaruhi permintaan terhadap perumahan memandangkan kenaikan harga perumahan jauh lebih pantas jika berbanding dengan kenaikan gaji bulanan yang diterima oleh para pekerja (Wang et al., 2015). Hal ini demikian, menyebabkan rumah semakin sukar untuk dimiliki khususnya untuk penduduk bandar yang berpendapatan rendah, kerana semakin lambat memiliki rumah, semakin meningkat kos yang harus

ditanggung bagi membiayai perumahan (Bloze & Skak, 2016). Walau bagaimanapun, kos perumahan berbeza-beza mengikut lokasi kediaman di dalam sesebuah bandar, di mana, harga perumahan di sekitar bandar-bandar besar adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan bandar-bandar yang lebih kecil (Ellis & Andrews, 2001). Di Malaysia, sebanyak 7.7 peratus daripada 7.3 juta isi rumah membelanjakan sebanyak 30 peratus dari pendapatan untuk kos perumahan, manakala, hanya sebilangan kecil isi rumah yang berpendapatan sederhana dari kumpulan M40 dan yang berpendapatan tinggi dari kumpulan T20, yang masing-masing membelanjakan 3.0 peratus dan 1.4 peratus dari jumlah pendapatan bagi menampung kos perumahan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019).

Rumah adalah tempat tinggal yang menjadi tempat perlindungan sesebuah isi rumah, adalah suatu keperluan yang dikategorikan sebagai aspek keselamatan dalam hierarki keperluan yang diperkenalkan Maslow yang mana, ianya merupakan antara keperluan terpenting sebelum keperluan-keperluan lain khususnya keperluan seperti keperluan fisiologi seperti makanan, air dan tidur (Weetas Real Estate, 2019). Namun, untuk memiliki rumah yang sempurna tidaklah sebegitu mudah, terutamanya di bandar. Kemampuan memiliki rumah bukan sekadar dilihat kemampuan dari segi kos menyewa dan membeli sesebuah rumah sahaja. Namun ianya, perlu disertakan dengan kemampuan untuk memperolehi segala keperluan asas yang lain untuk meneruskan kehidupan seperti barangan runcit, petrol, air, elektrik dan cukai (Haurin et al., 2007). Justeru, rumah bukan sekadar tempat tinggal, sebaliknya merupakan suatu aspek kualiti kehidupan, yang mana lokasi terletak rumah tersebut perlulah dilengkapi dengan pelbagai aspek kualiti kehidupan seperti terletak di kawasan yang selamat, menawarkan kemudahsampaian kepada sumber-sumber alam dan tersedia di